

**Gagasan 1Malaysia Mula Diterima Rakyat, Kata Dr Koh
Bernama
24 Januari, 2012**

GEORGE TOWN, 24 Jan (Bernama) -- Gagasan 1Malaysia kini mula diterima oleh rakyat dari pelbagai kaum sebagai satu cara hidup di negara ini, kata Pengerusi Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata atas iltizam kerajaan untuk menerapkan semangat Gagasan 1Malaysia, rakyat Malaysia kini hidup dalam keadaan aman dan harmoni.

Katanya, disebabkan itu negara berjaya merekodkan pencapaian ekonomi memberangsangkan pada tahun lepas.

"Minggu lepas sahaja negara Malaysia telah didapati menduduki tempat keempat di dunia sebagai negara yang paling sesuai untuk pesara dan hidup dengan selesa.

"Ini kerana kualiti hidup kita yang baik. Kita menduduki tempat keempat di dunia menurut 'International Retirement Index.' Bukan sahaja kesepuluh teratas, kita di nombor keempat," katanya ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka sempena sambutan Tahun Baru Cina anjuran BN negeri di Tanjung Marina Bay di sini.

Majlis itu dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor serta para pemimpin BN negeri.

Koh berkata kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri telah banyak melakukan perubahan kepada negara dan beliau mengharapkan lebih banyak lagi usaha dilakukan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=641947>